

**Kementerian Pelancongan Akan Bantu Pasarkan Produk Seni Masyarakat Mah Meri Bernama**  
**17 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Kementerian Pelancongan akan membantu masyarakat Orang Asli Mah Meri untuk memasarkan produk seni tradisional masyarakat itu yang antaranya diiktiraf di peringkat antarabangsa, kata Menteriya Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

"Kementerian Pelancongan akan berusaha dan menyediakan segala bantuan yang perlu untuk membantu Mah Meri bukan sahaja mempromosikan dan memasarkan hasil seni mereka tetapi juga membantu mendapatkan sumber alternatif bagi bekalan kayu," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pameran 'Mah Meri Sculptures from Dreams To Reality' di Pusat Pelancongan Malaysia (Matic) Jalan Ampang di sini Selasa, Ng berkata masyarakat orang asli itu mempunyai kebolehan mengukir berdasarkan imaginasi sendiri serta menghasilkan ukiran yang cantik.

Ukiran kayu Mah Meri seperti topeng dan patung sudah tersohor di peringkat antarabangsa serta mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), katanya.

Beliau berkata pameran sebulan di MATIC itu yang merupakan sebahagian daripada Malaysia Contemporary Art Tourism bermula pada 1 Julai lepas, mempamerkan 131 ukiran yang begitu cemerlang dan unik.

"Harap pelawat yang melihat ukiran Mah Meri dapat memberi komen yang positif serta membangunkan industri kesenian Orang Asli khususnya di seluruh dunia," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681341>

